



PEMINDAHAN ORGAN DARI PERSPEKTIF ISLAM



Diterbitkan oleh
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
Dengan kerjasama
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Cetakan pertama di Malaysia pada tahun 2011 oleh:

Unit Perkhidmatan Transplan,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590, Putrajaya,
Malaysia.

Tel (603) 8883 1165
Faks (603) 8883 1152
Email transplantation_unit@moh.gov.my

© Kementerian Kesihatan Malaysia 2011
www.moh.gov.my

Data dalam pengkatalogan Institut Penyelidikan Perubatan
Rekod katalog bagi buku ini boleh diperolehi dari Institut Penyelidikan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Data dalam pengkatalogan Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog bagi buku ini boleh diperolehi dari Perpustakaan Negara Malaysia.

MOH/P/PAK/222.11(BK)

ISBN 978-967-039



Hak cipta terpelihara: tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa-apa sistem pangkalan data atau disebar dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara sekalipun, elektronik, mekanikal, fotostat, rakaman, atau lain-lain cara tanpa izin bertulis daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia.



Kandungan

	<i>Muka surat</i>
Kata-kata Aluan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia	4
Kata-kata Aluan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	5
1. Pengenalan	7
2. Hukum Pemandahan Organ.....	9
3. Asas-asas Keharusan Pemandahan Organ.....	11
4. Fatwa-fatwa di Malaysia	15
4.1 Fatwa Kebangsaan	
4.2 Fatwa Negeri Perlis	
4.3 Fatwa Negeri Sarawak	
4.4 Fatwa Negeri Selangor	
4.5 Fatwa Negeri Johor	
4.6 Fatwa Negeri Pulau Pinang	
5. Fatwa-fatwa Luar Negara.....	23
5.1 Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura	
5.2 Fatwa Majlis Ulama Besar Negara Arab Saudi	
5.3 Fatwa Kuwait	
5.4 Fatwa Majma' al-Fiqh al-Islami	
5.5 Fatwa Majma' al-Fiqhi al-Islami al-Hind	
5.6 Fatwa Majlis Syariah United Kingdom	
5.7 Fatwa Dr. Yusuf al-Qaradawi	
6. Mati Otak.....	27
7. Soalan-soalan Lazim	29
7.1 Adakah pemandahan organ sama dengan perbuatan menyeksa mayat?	
7.2 Adakah penderma organ melanggar amanah yang diberikan kepadanya supaya memelihara maruah dan kehormatan jasadnya apabila dia mendermakan organ?	
7.3 Adakah penderma organ menanggung dosa orang yang menerima organnya?	
7.4 Adakah orang Islam yang mendermakan organnya akan dibangkitkan pada Hari Akhirat dengan organ-organ yang telah didermakan?	
7.5 Bolehkah orang Islam menerima organ orang bukan Islam?	
7.6 Bolehkah orang Islam menderma organ kepada orang bukan Islam?	
8. Kesimpulan.....	35
9. Rujukan.....	37



Kata-kata Aluan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam 1Malaysia,

Saban tahun, bilangan pesakit yang menderita akibat penyakit kegagalan organ kian meningkat. Pada tahun 2001, seramai 7,837 pesakit buah pinggang di Malaysia menjalani rawatan dialisis dan jumlah ini telah meningkat kepada 22,932 pada tahun 2010. Peningkatan jumlah pesakit tersebut adalah lebih tiga kali ganda dalam tempoh hanya sepuluh tahun dan peningkatan ini dijangka akan berterusan. Kebanyakan pesakit kegagalan fungsi buah pinggang ini sesuai untuk menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang bagi menggantikan buah pinggang yang rosak. Selain pemindahan buah pinggang, Malaysia juga mempunyai kepakaran untuk menjalankan pemindahan hati, jantung, paru-paru dan tisu seperti kornea (atau selaput depan mata).

Walau bagaimanapun, halangan utama yang dihadapi oleh sistem kesihatan negara ini bagi membantu pesakit tersebut adalah jumlah penderma organ dan tisu yang amat rendah. Pada tahun 2010, hanya 38 orang rakyat Malaysia yang telah menderma organ/tisu selepas kematian yang mewakili hanya 1.4 pendermaan bagi setiap juta penduduk Malaysia. Dari tahun 1975 sehingga 31 Oktober 2011, hanya 345 rakyat Malaysia telah menderma organ/tisu selepas kematian di mana jumlah ini jauh berbeza berbanding negara-negara maju yang lain.

Antara punca permasalahan yang telah dikenal pasti adalah tanggapan yang kurang tepat mengenai pandangan agama terhadap pendermaan organ terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam di negara ini. Oleh itu, pihak Kementerian Kesihatan dengan kerjasama pihak-pihak berkaitan terutamanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan terus berusaha mendidik masyarakat awam mengenai isu-isu yang berkaitan seterusnya membudayakan amalan murni ini di Malaysia. Masyarakat sememangnya mempunyai pilihan untuk membuat keputusan, namun pihak Kementerian juga bertanggungjawab memastikan agar pendirian masyarakat itu dibuat berdasarkan maklumat yang tepat dan bersesuaian. Diharap penerbitan ini dapat membantu dalam mencapai objektif tersebut. Kementerian Kesihatan Malaysia amat menghargai peranan yang telah dimainkan oleh JAKIM serta pihak-pihak lain yang berkaitan.

Sekian terima kasih.

DATO' SRI DR HASAN BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia



Kata-kata Aluan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmat-Nya, buku kecil berjudul *Pemindahan Organ dari Perspektif Islam* berjaya diterbitkan. Penerbitan buku kecil ini merupakan usaha yang penting untuk memastikan umat Islam Negara ini khasnya dan masyarakat secara umum mendapat kefahaman secara jelas dan mendalam tentang topik ini yang biasanya dianggap sensitif dalam masyarakat.

Melihat kepada perkembangan semasa, statistik pengikrar penderma organ di Malaysia menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dari tahun 1997 hingga tahun 2011. Malah, jumlah pengikrar penderma organ baharu pada tahun 2011 menjangkau lebih 20,000 orang yang berikrar sebagai penderma. Peningkatan ini menunjukkan kesedaran masyarakat untuk membantu mereka yang memerlukan sudah mula wujud.

Namun begitu, kesedaran ini perlu dipupuk dan disemai lebih mendalam lagi. Ini kerana walaupun terdapat peningkatan jumlah pengikrar untuk menderma, namun jumlah tersebut amat kecil jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan rakyat Malaysia. Jika diteliti, jumlah ini boleh dipertingkatkan lagi dengan memperbanyakkan usaha pendidikan dan penjelasan terutama dari perspektif agama. Justeru, usaha penerbitan buku kecil ini yang sarat dengan penjelasan dari perspektif Islam adalah bertepatan untuk memberi maklumat dan kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan pendermaan organ sebagai salah satu kaedah untuk menyelamatkan nyawa.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam merealisasikan penerbitan buku kecil ini. Harapan saya agar buku *Pemindahan Organ dari Perspektif Islam* ini dapat dijadikan bahan rujukan kepada umat Islam di Malaysia dan dijadikan inspirasi kepada masyarakat bukan Islam untuk bersedia menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Sekian.

Salam hormat,

DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)





Pengenalan



1. Pengenalan

Tidak ada istilah “putus asa” dalam Islam. Sebagai makhluk yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk mengimarahkan muka bumi, manusia seharusnya memanfaatkan akal fikiran yang dianugerahkan oleh Allah SWT bagi menyelesaikan sebarang masalah dan cabaran yang dihadapi.

Ini termasuklah soal merawat penyakit. Dengan perkembangan pesat dalam bidang perubatan moden, pelbagai kaedah rawatan penyakit telah ditemui dan diperkenalkan. Salah satu kaedah rawatan ini ialah rawatan pemindahan organ yang terbukti berjaya merawat pesakit-pesakit yang menghidap masalah kegagalan organ peringkat akhir. Usaha merawat penyakit ini bertepatan dengan Hadith Sahih berikut:

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ شَرِيكٍ، قَالَ: قَالَتِ الْأَعْرَابُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَلَا تَتَدَاوَى؟ قَالَ: «نَعَمْ، يَا عِبَادَ اللَّهِ تَدَاوَوْا، فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ شِفَاءً، أَوْ قَالَ: دَوَاءً إِلَّا دَاءً وَاحِدًا» قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَا هُوَ؟ قَالَ: الْمَرَمُ

Terjemahan:

Daripada Usamah ibn Syarik, beliau berkata, sekumpulan orang Badawi berkata, “Ya Rasulullah, bolehkah kami mendapatkan rawatan?” Baginda menjawab, “Ya boleh, wahai hamba-hamba Allah, dapatkanlah rawatan kerana sesungguhnya Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan (Dia) menentukan pula untuknya penyembuhan atau ubat kecuali satu penyakit.” Mereka bertanya, “Wahai Rasulullah, apakah penyakit itu?” Baginda bersabda, “Penyakit tua.”¹

Organ atau anggota badan tertentu boleh dipindahkan daripada seorang manusia kepada seorang manusia bagi tujuan menggantikan organ penerima yang gagal berfungsi. Organ-organ dan tisu-tisu yang boleh dipindahkan termasuklah jantung, injap jantung, hati, buah pinggang (ginjal), paru-paru, kornea mata, tulang dan kulit.

Pemindahan organ boleh dilakukan daripada penderma yang masih hidup atau penderma yang sudah meninggal dunia. Organ-organ yang boleh diambil daripada penderma yang masih hidup ialah salah satu dari dua buah pinggang dan sebahagian hati. Penderma yang sudah meninggal dunia pula boleh mendermakan semua organ dan tisu yang sesuai bagi tujuan pemindahan.

1 Al-Tirmidzi, Muhammad ibn ‘Isa ibn Sawrah ibn Musa ibn Dahhak. (1975). *Sunan al-Tirmidzi*. Fasal Perubatan, Bab Tentang Mendapatkan Rawatan dan Galakan Mendapatkan Rawatan. No. hadith 1961. Hukum hadith: Hassan Sahih. Jilid 4. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi. Hlm. 383.



Hukum Pemindahan Organ

2. Hukum Pemindehan Organ

Dalam konteks Islam, hukum mengenai pemindehan dan pendermaan organ tidak dibincangkan secara khusus dalam sumber utama hukum iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Ini kerana pemindehan dan pendermaan organ merupakan perkembangan perubatan yang bermula pada abad ke-20. Walaupun demikian, para ulama Islam sudah membincangkan perkara ini semenjak tahun 1950-an lagi. Di Malaysia, isu pemindehan organ mula dibincangkan pada tahun 1960-an apabila Mufti Negeri Perlis mengeluarkan fatwa berhubung isu ini pada tahun 1965.²

Pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh ulama Islam berkaitan pemindehan organ bersifat *ijtihad* iaitu ijtihad yang dilakukan berdasarkan pendekatan-pendekatan fikah. Fatwa yang bersifat *ijtihad*, seperti yang diterangkan oleh Dr. Yusuf al-Qaradawi, ulama kontemporari dari Mesir, ialah fatwa yang “masih boleh diperbincangkan, seperti juga ijtihad manusia yang lain, tambahan pula ia bersangkutan dengan hukum masalah baharu yang tidak tercatat pendapat ulama-ulama terdahulu”.³

Secara asasnya, **hukum pemindehan dan pendermaan organ ialah harus**. Ini kerana pemindehan dan pendermaan organ memenuhi tuntutan memelihara nyawa manusia yang merupakan salah satu daripada *maqasid al-syar’iyyah* (objektif syariah).



- 2 Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2011). Derma organ: Satu kebajikan. Kertas kerja dibentangkan semasa Seminar Pendidikan Fatwa Isu Pendermaan Organ anjuran Jabatan Mufti Negeri Perlis dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Perlis pada 20 Jun 2011
- 3 Yusuf al-Qaradawi. (1995). *Fatwa Masa Kini* (Jilid 7 & 8). Kuala Lumpur: Pustaka Salam. Hlm. 365.



Asas-asas Keharusan Pemindahan Organ



3. Asas-asas Keharusan Pemindahan Organ

Pemindahan organ yang dilakukan bagi tujuan rawatan ialah pilihan terakhir bagi menyelamatkan nyawa pesakit yang menghidap kegagalan organ peringkat akhir. Kaedah-kaedah fikah yang diguna pakai dalam hukum pemindahan organ ini berasaskan realiti bahawa pemindahan organ ini dilakukan dalam keadaan terdesak. Ini kerana tidak ada pilihan lain bagi menyelamatkan nyawa pesakit. Dalam kata lain, pemindahan organ dilakukan dalam keadaan yang sangat mendesak dan mustahak (darurat). Keselamatan nyawa pesakit amat bergantung pada pemindahan organ tersebut.

Kaedah-kaedah fikah yang digunakan ialah:

- (i) **Segala urusan itu mengikut tujuannya (الأمر بمقاصدها) :**
Dalam kaedah fikah ini, sesuatu perbuatan itu dinilai berdasarkan niat dan tujuan ia dilakukan. Tujuan pemindahan organ adalah bagi menyelamatkan nyawa pesakit dan mampu mengelakkan kemudaratan yang lebih besar dengan melakukan kemudaratan yang lebih ringan. Pemindahan organ tidak dilakukan dengan niat untuk menghina atau menyeksa mayat, sebaliknya ia dilakukan bagi tujuan menyelamatkan nyawa.
- (ii) **Kemudaratan perlu dihilangkan (الضرر يزال):**
Menghilangkan kemudaratan yang menimpa manusia ialah salah satu matlamat syariah. Dalam konteks pemindahan organ, rawatan ini memenuhi matlamat memelihara nyawa manusia. Ganjaran yang Allah SWT janjikan kepada usaha menyelamatkan nyawa manusia amat besar seperti yang disebut dalam al-Quran menerusi firman Allah SWT yang berikut:

وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Terjemahan:

“...dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya...”⁴

Di bawah kaedah ini, rawatan pemindahan organ memberi pilihan untuk memilih jalan yang paling kurang mudarat. Apabila berhadapan dengan situasi dengan dua kemudaratan, maka keutamaan perlu diberikan bagi mengelak kemudaratan yang lebih besar dengan memilih kemudaratan yang lebih kecil. Dalam konteks pemindahan organ, kemudaratan yang lebih besar ialah membiarkan pesakit yang memerlukan organ itu meninggal dunia. Justeru, dalam keadaan ini kemudaratan yang

4 Surah al-Maidah (5): 32.



lebih kecil perlu diberikan keutamaan iaitu mengambil organ daripada penderma bagi dipindahkan kepada penerima yang memerlukan organ tersebut.

Kaedah ini juga meletakkan supaya keutamaan diberikan kepada usaha menghindar kerosakan berbanding mencari kemaslahatan. Seseorang yang masih hidup yang mahu menghindar kemudaratan terhadap dirinya boleh memilih untuk menjalankan proses pemindahan organ daripada orang yang sudah meninggal dunia bagi menggantikan organnya yang sudah rosak. Dalam hubungan ini, menghindar kerosakan mengatasi kemaslahatan (kepentingan) untuk mengekalkan jasad orang yang sudah meninggal dunia, apatah lagi jasad itu akan hancur juga apabila dikebumikan.



(iii) **Kesukaran membawa kemudahan** (المشقة تجلب التيسير):

Pemindahan organ ialah ikhtiar yang diilhamkan oleh Allah SWT kepada manusia sebagai suatu kemudahan bagi mengatasi kesukaran yang dihadapi oleh pesakit-pesakit kegagalan organ peringkat akhir. Ini bertepatan dengan ayat al-Quran berikut:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Terjemahan:

“...Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan, dan Dia tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran...”⁵

5 Surah al-Baqarah (2): 185.



Syarak memberi kelonggaran kepada orang yang berada dalam darurat dengan membenarkan perkara yang haram bagi menghilangkan kemudaratan yang menimpa, dengan syarat tidak ada pilihan lain yang halal baginya. Dalam konteks ini, pilihan terakhir yang ada bagi menyelamatkan nyawa pesakit dengan kegagalan organ peringkat akhir ialah rawatan pemindahan organ. Ini bertepatan dengan ayat al-Quran berikut:

فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Terjemahan:

“...maka sesiapa terpaksa (kerana darurat) sedang ia tidak menginginkannya dan tidak pula ia melampaui batas, maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”⁶

Jika seseorang berada dalam kesukaran yang tidak mampu ditanggung sekiranya ia berterusan, maka perlu diberi kelonggaran kepadanya bagi menghilangkan kesukaran tersebut. Dalam konteks pendermaan organ, pesakit yang menghidap kegagalan organ peringkat akhir berhadapan dengan kematian. Pemindahan organ menjadi satu pilihan yang diberi kelonggaran syarak sebagai ikhtiar bagi menyelamatkan nyawa pesakit tersebut.

6 Surah al-Baqarah (2): 173.



Fatwa-fatwa di Malaysia



4. Fatwa-fatwa di Malaysia

Perkembangan mengenai kaedah rawatan pemindahan organ mula dibincangkan di Malaysia sejak tahun 1960-an lagi. Hasilnya, menerusi Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, fatwa berkenaan pemindahan organ dikeluarkan pada tahun 1970. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa ini menjadi rujukan mengenai isu pemindahan dan pendermaan organ di Malaysia, dan diterima pakai di negeri-negeri yang tidak mempunyai fatwa khusus mengenai pendermaan organ.

Negeri-negeri yang mempunyai fatwa peringkat negeri mengenai pemindahan dan pendermaan organ ialah Perlis (1965), Sarawak (1996), Selangor (2000), Johor (2001) dan Pulau Pinang (2010).

4.1 Fatwa Kebangsaan

Majlis Fatwa Kebangsaan yang bersidang pada 23 dan 24 Jun 1970 membincangkan pemindahan organ, secara khusus pemindahan jantung dan mata.

Persidangan telah memutuskan bahawa **pemindahan jantung dan mata orang yang telah meninggal dunia kepada orang yang masih hidup adalah dibenarkan (harus) dalam Islam**,⁷ dengan pertimbangan-pertimbangan berikut:

- (i) Dalam keadaan mendesak dan mustahak, bahawa nyawa penerimanya bergantung pada pemindahan anggota itu dan pemindahannya difikirkan berjaya.
- (ii) Dalam pemindahan jantung, kematian penderma telah dipastikan terlebih dahulu.
- (iii) Tindakan-tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil supaya tidak ada pembunuhan manusia dan perdagangan anggota-anggotanya.
- (iv) Kebenaran hendaklah diperoleh daripada penderma-penderma sebelum pemindahan sebarang anggota (dalam kematian biasa) atau daripada kaum keluarga (dalam kematian akibat kemalangan).

Sumber yang menjadi asas hukum ini ialah:

- (i) Firman Allah SWT berkaitan memberi kemudahan seperti yang terkandung dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud, "...Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu...".
- (ii) Hadith Nabi SAW yang menyatakan kemudahan perlu dihapuskan seperti dalam sabdanya, " لا ضرر ولا ضرار " yang bermaksud "Tidak boleh memudaratkan diri sendiri dan tidak boleh memudaratkan orang lain".
- (iii) Kaedah fikah yang menetapkan boleh melakukan kemudahan yang paling ringan antara dua kemudahan seperti yang terkandung dalam kaedah "ارتكاب أحمق الضررين" bermaksud, "melakukan kemudahan yang lebih ringan".

7 <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/derma-organ-pemindahan-jantung-dan-mata>



Hukum keharusan menderma dan memindahkan organ juga tertakluk kepada syarat-syarat yang pada prinsipnya menjaga pelbagai kepentingan selaras dengan kehendak syariat Islam, iaitu:

- (i) Tidak menyebabkan penderma (yang masih hidup) menanggung kemudaratan pada dirinya seperti mati atau cacat (hilang pendengaran, penglihatan dan kemampuan untuk bergerak).
- (ii) Pemindahan berlaku dengan izin penderma berkenaan.
- (iii) Kezinaan berkenaan berlaku dalam keadaan penderma memiliki kelayakan penuh untuk melakukannya. Atas sebab ini, kezinaan tidak boleh diberi oleh kanak-kanak, orang gila atau orang yang dipengaruhi oleh tekanan, paksaan atau kekeliruan.
- (iv) Tidak berlaku dengan cara yang mencabul kehormatan manusia seperti melibatkan urusan jual beli. Sebaliknya ia perlu dilakukan berasaskan kezinaan dan pendermaan semata-mata.
- (v) Para doktor yang melakukan urusan pemindahan berkenaan mempunyai asas keilmuan yang cukup untuk membuat pertimbangan baik buruk terhadap penderma dan penerima berdasarkan prinsip masalah (kebaikan) dan mafsadah (kerusakan) seperti yang terdapat dalam syariat Islam.

4.2 Fatwa Negeri Perlis

Negeri Perlis ialah negeri paling awal yang membincangkan isu pendermaan dan pemindahan organ, secara khusus mengenai pendermaan kornea. Fatwa Negeri Perlis yang dikeluarkan pada 6 November 1965 menyatakan bahawa **hukum mengambil mata orang yang telah mati adalah harus** sekiranya mereka memberi persetujuan⁸ sebelum meninggal dunia.

Dengan melakukan hal yang demikian, penderma dapat memberi pertolongan sesama manusia bagi memulihkan penglihatan penerima yang cacat. Ia bertujuan murni dan berfaedah dalam kehidupan penerima. Memberi pertolongan dengan cara yang demikian bukan bererti menghina atau tidak menghormati si mati. Agama mengharuskan perbuatan ini kerana tujuan yang lebih besar faedahnya.

4.3 Fatwa Negeri Sarawak

Fatwa Negeri Sarawak yang diputuskan pada 23 Disember 1996 dan diwartakan pada 31 Disember 1996 memberi fokus kepada pendermaan dan pemindahan buah pinggang. Fatwa ini menyatakan bahawa **pendermaan buah pinggang kepada pesakit buah pinggang adalah harus** tertakluk pada syarat-syarat tertentu.⁹

8 Bahagian Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2011). Derma organ: Satu kebajikan. Kertas kerja dibentangkan semasa Seminar Pendidikan Fatwa Isu Pendermaan Organ anjuran Jabatan Mufti Negeri Perlis dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Perlis pada 20 Jun 2011.

9 Ordinan Majlis Islam (Pemerbadanan) Fatwa Mengenai Pendermaan Organ. (1996). No. rujukan: PKM/SUK/SUL/56/A; SAG/C/A/7. Enakmen Swk. L.N. 100.



Syarat-syarat bagi penderma hidup:

- (i) Penderma rela dengan ikhlas hati menderma organ buah pinggangnya.
- (ii) Disahkan oleh pakar perubatan bahawa pendermaan itu tidak akan membahayakan kesihatan si penderma.
- (iii) Tidak dilakukan secara jual beli.

Syarat-syarat bagi penderma yang meninggal dunia:

- (i) Sebelum meninggal dunia, penderma pernah menyatakan kerelaannya untuk mendermakan organ buah pinggangnya kepada orang lain setelah dia meninggal dunia, atau diizinkan oleh wali atau warisnya untuk berbuat demikian, dan tidak pula dilakukan dengan paksaan.
- (ii) Disahkan oleh pakar perubatan bahawa buah pinggang yang didermakan itu masih boleh dimanfaatkan oleh pesakit buah pinggang yang memerlukannya.
- (iii) Hendaklah dipastikan bahawa pemindahan organ buah pinggang itu semata-mata untuk berubat.
- (iv) Tidak dilakukan secara jual beli.

4.4 Fatwa Negeri Selangor


Fatwa Negeri Selangor yang dikeluarkan pada tahun 2000 adalah antara fatwa yang komprehensif di Malaysia kerana ia menyentuh mengenai isu pemindahan organ secara umum dan isu mati otak yang merupakan prasyarat bagi pendermaan organ daripada penderma yang sudah meninggal dunia. Fatwa Negeri Selangor¹⁰ menyatakan bahawa:

- (i) **Hukum memindahkan organ orang yang telah meninggal dunia adalah harus** kerana ia dapat memberikan manfaat yang lebih luas kepada orang ramai.
- (ii) **Hukum mendermakan organ orang Islam kepada orang bukan Islam adalah harus.**

Bagi penderma yang masih hidup, fatwa ini bersandarkan syarat-syarat berikut:

- (i) Kajian perubatan secara terperinci dan profesional mengenai kesan pemindahan organ terhadap penderma dan penerima organ (bagi mengenal pasti kebaikan dan keburukan serta kebarangkalian kejayaan dan kegagalan pemindahan) perlu dijalankan.
- (ii) Dilakukan dengan rela tanpa paksaan.
- (iii) Keadaan darurat bagi menyelamatkan nyawa pesakit terutama yang ada hubungan nasab dan keluarga.
- (iv) Pemindahan itu dijamin berjaya.
- (v) Organ yang dipindahkan bukan dijadikan dagangan dan jual beli kerana ini hanya akan mengundang perbuatan khianat yang memberi mudarat kepada

¹⁰ Cabutan minit Mesyuarat Fatwa Negeri Selangor Bil. 4/2000. Fatwa mengenai pendermaan organ.



penerima, memberi keuntungan kepada orang tengah dan juga kesempatan kepada doktor-doktor yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan.

- (vi) Mendapat kebenaran bertulis daripada penderma, dan penderma dibolehkan menarik balik kebenaran tersebut pada bila-bila masa.
- (vii) Walaupun organ sudah didermakan, organ itu masih ada pada penderma untuk membolehkannya terus hidup (seperti buah pinggang yang ada dua, dan hati yang hanya diambil sebahagian).

Bagi penderma yang sudah meninggal dunia, fatwa ini bersandarkan kepada syarat-syarat berikut:


- (i) Kajian perubatan secara terperinci dan profesional mengenai kesan pemindahan organ terhadap penerima organ (bagi mengenal pasti kebaikan dan keburukan serta kebarangkalian kejayaan dan kegagalan pemindahan) perlu dijalankan.
- (ii) Dilakukan dengan kerelaan penderma melalui wasiat atau waris, atau perakuan daripada Kerajaan.
- (iii) Pemindahan itu dijamin berjaya.
- (iv) Pemindahan itu dilakukan dengan penuh disiplin, ilmu, iman dan takwa serta penghormatan yang sewajarnya diberikan kepada si mati mengikut hukum syarak serta tiada unsur-unsur penghinaan.
- (v) Keadaan darurat bagi menyelamatkan nyawa pesakit terutama yang ada hubungan nasab dan keluarga.
- (vi) Organ yang dipindahkan bukan dijadikan dagangan dan jual beli kerana ini hanya akan mengundang perbuatan khianat yang memberi mudarat kepada penerima, memberi keuntungan kepada orang tengah dan juga kesempatan kepada doktor-doktor yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan.

Mengenai isu mati otak, Fatwa Negeri Selangor menegaskan bahawa penentuan mati otak perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- (i) Pemeriksaan perubatan mengenai berlakunya mati otak dijalankan secara profesional.
- (ii) Digalakkan mendapatkan persetujuan daripada ahli keluarga terdekat (suami, isteri, anak, ibu atau bapa).
- (iii) Perakuan mengenai berlakunya mati otak hendaklah dilakukan oleh sekurang-kurangnya tiga orang doktor profesional (doktor Islam diutamakan).
- (iv) Sekiranya dengan kecanggihan rawatan perubatan boleh mengubah dan memulihkan keadaan mati otak, maka fatwa ini tidak boleh diguna pakai.

4.5 Fatwa Negeri Johor

Satu lagi fatwa negeri yang mencakupi ruang lingkup yang luas mengenai isu pemindahan organ ialah Fatwa Negeri Johor yang diputuskan pada 18 Oktober



2001. Fatwa ini menegaskan bahawa **pemindahan dan pendermaan organ dan tisu adalah haram dalam keadaan tidak darurat dan harus dalam keadaan darurat** berdasarkan beberapa syarat yang telah ditentukan.¹¹

Bagi penderma yang masih hidup, syarat-syarat keharusan pemindahan dan pendermaan organ ialah:

- (i) Pemeriksaan perubatan dijalankan secara terperinci dan profesional oleh sekurang-kurangnya dua orang doktor pakar dengan doktor Islam diutamakan (bagi mengenal pasti kebaikan dan keburukan serta kebarangkalian kejayaan dan kegagalan pemindahan).
- (ii) Dilakukan dengan kerelaan penderma tanpa paksaan (dan persetujuan waris amat digalakkan).
- (iii) Kebaikan pemindahan tersebut sudah dipastikan.
- (iv) Kelaziman kejayaan proses pemindahan sudah dipastikan.
- (v) Ada darurat bagi menyelamatkan nyawa pesakit terutama yang ada hubungan nasab dan keluarga.
- (vi) Pemindahan itu dilakukan dengan disiplin, ilmu, iman dan takwa.
- (vii) Organ yang dipindahkan bukan dijadikan dagangan dan jual beli. Ini hanya akan mengundang perbuatan jenayah yang memberi mudarat kepada penerima, memberi keuntungan kepada orang tengah dan juga kesempatan kepada doktor-doktor yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan.
- (viii) Kebenaran dan persetujuan bertulis diperoleh daripada penderma, dan penderma dibolehkan menarik balik kebenaran dan persetujuan tersebut pada bila-bila masa.
- (ix) Walaupun salah satu atau sebahagian organ sudah didermakan, organ yang masih ada pada penderma berfungsi untuk membolehkannya terus hidup (seperti buah pinggang yang ada dua, dan hati yang hanya diambil sebahagian).

Bagi penderma yang meninggal dunia, syarat-syarat keharusan pemindahan dan pendermaan organ ialah:

- (i) Pemeriksaan perubatan dijalankan secara terperinci dan profesional oleh sekurang-kurangnya dua orang doktor pakar dengan doktor Islam diutamakan (bagi mengenal pasti kebaikan dan keburukan serta kebarangkalian kejayaan dan kegagalan pemindahan).
- (ii) Dilakukan dengan kerelaan penderma melalui wasiat atau waris atau perakuan daripada Kerajaan (sekiranya tiada waris).
- (iii) Kelaziman kejayaan proses pemindahan sudah dipastikan.

11 Jabatan Mufti Johor. (2010). *Fatwa Transplan Organ dan Mati Otak*. Johor Bahru: Jabatan Mufti Negeri Johor.



- (iv) Dilakukan pemindahan itu dengan disiplin, ilmu, iman dan takwa. Penghormatan yang sewajarnya diberikan kepada si mati mengikut syarak dan tiada unsur-unsur penghinaan.
- (v) Ada darurat bagi menyelamatkan nyawa pesakit terutama yang ada hubungan nasab dan keluarga.
- (vi) Organ yang dipindahkan bukan dijadikan dagangan dan jual beli. Ini hanya akan mengundang perbuatan jenayah yang memberi mudarat kepada penerima, memberi keuntungan kepada orang tengah dan juga kesempatan kepada doktor-doktor yang tidak bertanggungjawab untuk mengaut keuntungan.

Mengenai isu mati otak, Fatwa Negeri Johor memutuskan bahawa **orang yang mati otak adalah dihukumkan mati**. Syarat-syarat berkaitan mati otak adalah seperti yang berikut:

- (i) Pemeriksaan perubatan mengenai berlakunya mati otak dijalankan secara profesional.
- (ii) Digalakkan mendapat persetujuan daripada keluarga terdekat (seperti suami atau isteri, anak, ibu atau bapa).
- (iii) Perakuan mengenai berlakunya mati otak hendaklah dilakukan oleh sekurang-kurangnya tiga orang doktor profesional (doktor Islam diutamakan).
- (iv) Sekiranya dengan kecanggihan rawatan perubatan boleh mengubah dan memulihkan keadaan mati otak, maka fatwa ini tidak boleh diguna pakai.


4.6 Fatwa Negeri Pulau Pinang

Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang bermesyuarat pada 30 Disember 2009 dan mengeluarkan fatwa yang menyeluruh mengenai pemindahan dan pendermaan organ. Fatwa ini diwartakan pada 9 Disember 2010 dan menyatakan bahawa **hukum melakukan pemindahan organ dan tisu adalah harus**¹² dengan syarat-syarat tertentu.

Bagi penderma yang masih hidup, syarat-syaratnya ialah:

- (i) Pemeriksaan perlu dijalankan dengan terperinci dan profesional oleh pakar perubatan tentang jaminan keselamatan untuk penderma terus hidup, mendapat manfaat selain kebaikan dan keburukan serta kejayaan dan kegagalan hasil pemindahan tersebut.
- (ii) Pemindahan organ dilakukan dengan kerelaan dan keizinan penderma itu sendiri tanpa sebarang paksaan oleh mana-mana pihak.
- (iii) Pemindahan organ itu merupakan usaha terakhir dalam keadaan darurat dan ada keperluan mendesak untuk menyelamatkan nyawa orang lain terutamanya yang ada hubungan nasab dan keluarga.

12 Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang – Hukum Transplan Organ dan Tisu. (2010). No. rujukan: JMNPP/ (S)/19/1101/001(16); PUNPP 152.100.1/2/2 Jld. 2. Enakmen No. 864.



- (iv) Mendapat kebenaran bertulis daripada penderma yang boleh ditarik balik pada bila-bila masa.
- (v) Organ dan tisu yang didermakan ialah organ yang lebih daripada satu atau organ yang boleh diambil sebahagiannya tanpa memudaratkan penderma.
- (vi) Pengamal perubatan mestilah mematuhi etika perubatan.
- (vii) Organ dan tisu yang dipindahkan bukan bertujuan untuk dijadikan barang dagangan dan jual beli.

Bagi penderma yang meninggal dunia, syarat-syaratnya ialah:

- (i) Hendaklah kematian seseorang itu bukan pakatan atau rancangan bagi mencari keuntungan.
- (ii) Hendaklah dipastikan terlebih dahulu bahawa penderma betul-betul sudah meninggal dunia.
- (iii) Dilakukan dengan kerelaan dan keizinan penderma yang mukalaf itu sendiri sebelum mati melalui wasiat serta mendapat persetujuan walinya dan disaksikan oleh dua orang saksi.
- (iv) Hendaklah dipastikan tiada penganiayaan terhadap mayat.
- (v) Hendaklah disahkan oleh pakar bahawa organ dan tisu orang yang mati itu masih boleh dimanfaatkan oleh orang yang masih hidup (pesakit).
- (vi) Pemindahan itu sudah pasti dan dijamin akan berjaya pada kebiasaannya.
- (vii) Pemindahan organ dilakukan dengan penuh disiplin, ilmu, iman dan takwa (jika doktor Islam) serta penghormatan yang sewajarnya diberikan kepada si mati dan tiada unsur-unsur penghinaan.
- (viii) Mayat hendaklah diselenggarakan untuk pengebumian.
- (ix) Jika penderma kanak-kanak yang belum baligh atau orang gila, keizinan daripada walinya perlu diperolehi.
- (x) Pemindahan organ itu merupakan usaha terakhir dalam keadaan darurat dan ada keperluan mendesak untuk menyelamatkan nyawa orang lain terutamanya yang ada hubungan nasab dan keluarga.
- (xi) Si mati sentiasa didoakan (jika Muslim).
- (xii) Organ dan tisu yang dipindahkan bukan bertujuan untuk dijadikan barang dagangan dan jual beli.

Fatwa Negeri Pulau Pinang juga menegaskan perkara-perkara berikut:

- (i) Orang yang menerima organ dan tisu tersebut hendaklah menggunakannya dengan amanah.
- (ii) **Hukum melakukan pemindahan organ dan tisu orang Islam kepada penerima organ bukan Islam dan sebaliknya adalah harus.**
- (iii) Hukum orang kafir *harbi* (yang diperangi) yang menerima organ dan tisu orang Islam adalah haram.



Fatwa-fatwa Luar Negara



5. Fatwa-fatwa Luar Negara

5.1 Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura

Pada tahun 1986, Majlis Ugama Islam Singapura mengeluarkan fatwa yang **mengharuskan pemindahan organ** dalam keadaan darurat bagi tujuan menyelamatkan nyawa. Prinsip yang diguna pakai dalam menentukan hukum pendermaan organ ini ialah kaedah fikah iaitu “darurat mengharuskan perkara yang dilarang” *الضَّرُورَاتُ تَبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ*.¹³ Di samping fatwa yang menyentuh pemindahan organ secara menyeluruh ini, fatwa-fatwa khusus mengenai pemindahan organ-organ tertentu juga dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Singapura iaitu fatwa tahun 1995 mengenai keharusan pemindahan kornea mata atas dasar menghilangkan kemudaratan pesakit mata serta fatwa-fatwa tahun 2003 dan 2004 yang mengharuskan pendermaan jantung dan hati sama seperti buah pinggang bagi tujuan menyelamatkan nyawa pesakit.¹⁴

5.2 Fatwa Majlis Ulama Besar Arab Saudi

Seawal tahun 1967, Ulama Besar Arab Saudi **mengharuskan pemindahan kornea**.¹⁵ Pada tahun 1982, Majlis Ulama Besar Arab Saudi **mengharuskan pemindahan organ atau sebahagian organ daripada manusia yang sudah meninggal dunia kepada orang lain** dengan syarat wujud keperluan yang mendesak.¹⁶ Majlis ini juga sebulat suara mengharuskan pemindahan organ dilakukan daripada penderma yang masih hidup kepada penerima yang memerlukan organ tersebut.

5.3 Fatwa Kuwait

Pada tahun 1979, Majlis Fatwa Kuwait memutuskan bahawa **hukum memindahkan organ daripada si mati adalah harus**, sama ada diwasiatkan atau tidak. Fatwa ini dikeluarkan berdasarkan keperluan yang mendesak (darurat) iaitu untuk menyelamatkan nyawa.¹⁷ Bagi penderma yang masih hidup, hukumnya juga harus tetapi menjadi haram jika organ yang ingin dipindahkan itu ialah organ-organ yang menyebabkan kematian jika dipindahkan seperti jantung dan paru-paru.

13 Majlis Ugama Islam Singapura. (2007). *Pemindahan Organ di dalam Islam*. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura. Hlm. 10-11.

14 Ibid. Hlm. 10-11.

15 Mohammed Ali Albar. (2010). Islamic ethics of organ transplantation and brain death. Dalam Ismail Ibrahim dan Abu Bakar Yang. (penyunting). *Islam dan Pemindahan Organ*, Edisi Ke-2. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia. Hlm. 101.

16 Purport of the Senior Ulama Commission. Decision No. 99, dated 06-11-1402 H. Dalam *Directory of the Regulations of Organ Transplantation in the Kingdom of Saudi Arabia*. (t.th.). Jeddah: Saudi Center for Organ Transplantation. Hlm. 46.

17 Mohammed Ali Albar. (2010). Op. cit. Hlm. 105.



5.4 Fatwa Majma' al-Fiqh al-Islami

Dalam persidangan kali ke-4 Majma' al-Fiqh al-Islami (Akademi Fiqh Islam) di Jeddah, Arab Saudi pada 11 Februari 1988, fatwa yang dikeluarkan ialah **diharuskan organ si mati dipindahkan kepada yang hidup** apabila kehidupan penerima organ itu bergantung pada penerimaan organ tersebut atau keselamatan fungsi asas dalam diri penerima bergantung pada penerimaan organ tersebut dengan syarat mendapat keizinan daripada penderma sebelum dia meninggal dunia atau keizinan daripada waris selepas dia meninggal dunia, atau daripada pemimpin masyarakat Islam jika si mati tidak dikenali atau tidak mempunyai waris.¹⁸ Fatwa ini juga menegaskan pengharaman perdagangan dan penyeludupan organ.¹⁹



Dalam sesi perbincangan tanggal 17 Oktober 1987 pula, Majma' al-Fiqh al-Islami menerima konsep mati otak sebagai kematian. Keputusan yang dibuat menyatakan bahawa “pesakit yang dipasangkan padanya alat bantuan pernafasan jika telah dipastikan oleh tiga orang doktor pakar bahawa otaknya telah mati dan tidak mungkin kembali berfungsi lagi, bolehlah dicabut alat itu sekalipun jantung dan pernafasannya masih bekerja dengan bantuan alat yang dipasang”.²⁰

18 Ibid. Hlm. 105.

19 Ibid. Hlm. 105.

20 Abdul Monir Yaacob dan Mohd Fauzi Mustaffa. (2010). Konsep asas rawatan pemindehan organ menurut Islam. Dalam Ismail Ibrahim dan Abu Bakar Yang. (penyunting). Op. cit. Hlm. 57-58.



5.5 Fatwa Majma' al-Fiqhi al-Islami al-Hind

Majma' al-Fiqhi al-Islami al-Hind (Akademi Fiqh Islam, India) diasaskan bagi membantu umat Islam di India menangani isu-isu berkaitan hukum. Dalam persidangan di New Delhi pada Mac 1989, fatwa yang **mengharuskan penggantian organ seorang pesakit dengan organ daripada orang lain atas dasar darurat** dikeluarkan. Pembedahan organ boleh dilakukan daripada penderma yang masih hidup atau yang telah meninggal dunia.²¹

5.6 Fatwa Majlis Syariah United Kingdom

Pada tahun 1995, Majlis Syariah United Kingdom mengeluarkan fatwa bahawa ia **menyokong dan mengiktiraf pembedahan organ sebagai cara merawat penyakit atau menyelamatkan nyawa berdasarkan prinsip-prinsip syariah**. Majlis tersebut juga mengharuskan waris si mati memberi kebenaran organ si mati dipindahkan bagi tujuan menyelamatkan nyawa orang lain. Fatwa ini berdasarkan prinsip dalam kaedah fikah iaitu “darurat mengharuskan perkara yang dilarang” (الضَّرُورَاتُ تَبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ) dan salah satu *maqasid al-syar'iyah* iaitu “memelihara nyawa”.²²

5.7 Fatwa Dr. Yusuf al-Qaradawi

Dr. Yusuf al-Qaradawi, menyatakan bahawa pendermaan dan pembedahan organ daripada orang hidup atau yang meninggal dunia adalah **harus pada saat darurat dengan syarat tidak membawa kemudaratan besar kepada penderma atau orang yang mempunyai hak ke atas dirinya**.²³ Beliau juga menegaskan bahawa **harus mendermakan organ kepada orang bukan Islam**,²⁴ **haram memperdagangkan organ**,²⁵ **harus bagi waris dan wali menderma organ ahli keluarga yang telah meninggal dunia** yang tidak berwasiat supaya organnya tidak diambil selepas meninggal dunia²⁶ dan **harus menerima organ daripada penderma bukan Islam**.²⁷

21 Abu Fadl Mohsin Ebrahim. (2002). Organ transplantation: An Islamic ethico-legal perspective. Dalam *FIMA Year Book 2002*. Islamabad: Federation of Islamic Medical Associations. Hlm. 76-78.

22 Howitt, R. (2009). *Islam and Organ Donation: A Guide to Organ Donation and Muslim Beliefs*. London: NHS Blood and Transplant.

23 Yusuf al-Qaradawi. (1995). Op. cit. Hlm. 367-371.

24 Ibid. Hlm. 371-373.

25 Ibid. Hlm. 373-376.

26 Ibid. Hlm. 376-379.

27 Ibid. Hlm. 379-381.



Mati Otak

6. Mati Otak

Isu mati otak pertama kali dibincangkan dalam persidangan ulama antarabangsa ialah pada tahun 1985 di Jeddah, Arab Saudi walaupun pada ketika itu, tiada keputusan dibuat. Kemudian isu ini dibincangkan dengan lebih terperinci pada tahun 1986 di Amman, Jordan. Fatwa yang dikeluarkan oleh persidangan ini ialah menyatakan bahawa kematian boleh berlaku kerana dua sebab. Pertama, apabila jantung terhenti secara sempurna dan doktor mengesahkan tiada harapan untuk kembali berfungsi. Kedua, apabila peranan otak terhenti secara sempurna dan doktor pakar dalam bidang ini mengesahkan tiada harapan untuk kembali berfungsi setelah dibuat analisis lengkap.

Sehubungan dengan itu, mati otak diterima sebagai kematian dalam Islam. Ini seperti yang diperjelaskan menerusi fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh negeri Selangor (2000) dan Johor (2001).





Soalan-soalan Lazim



7. Soalan-soalan Lazim

7.1 Adakah pemindahan organ sama dengan perbuatan menyeksa mayat?

Dalam sebuah Hadith Sahih, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّهَا سَمِعَت النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:
"إِنَّ كَسْرَ عَظْمِ الْمَيِّتِ مِثْلُ كَسْرِ حَيًّا"

Terjemahan:

Daripada `Aisyah RAH bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya perbuatan mematahkan tulang si mati samalah seperti mematahkan tulangnya semasa ia hidup."²⁸

Pada asasnya, Hadith ini melarang dilakukan penghinaan ke atas orang yang sudah meninggal dunia. Islam amat menitikberatkan soal memberi penghormatan kepada orang yang sudah meninggal dunia baik orang Islam mahupun orang bukan Islam. Perbuatan memecahkan atau mematahkan tulang si mati yang sering dikaitkan dengan menyeksa mayat seperti yang dinyatakan dalam Hadith ini adalah merujuk kepada perbuatan yang tidak bermanfaat.

Bagaimanapun, pemindahan dan pendermaan organ bukan dilakukan kerana niat jahat atau dengan tujuan yang tidak bermanfaat. Sebaliknya pemindahan dan pendermaan organ dilakukan sebagai pilihan terakhir bagi menyelamatkan nyawa pesakit yang memerlukan organ tersebut. Memelihara nyawa ialah salah satu daripada *maqasid al-syar'iyah* atau objektif syariah. Larangan yang dinyatakan menerusi Hadith ini terbatal apabila wujud keperluan yang lebih utama yang mengatasi larangan tersebut (الضَّرُورَاتُ تَبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ) iaitu untuk menyelamatkan nyawa manusia. Niat di sebalik pendermaan organ adalah murni dan baik. Pemindahan organ dilakukan hanya apabila tiada alternatif lain bagi menyelamatkan nyawa pesakit. Dalam hal ini, firman Allah SWT berikut terpakai:


فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Terjemahan:

"...maka sesiapa terpaksa (kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula ia melampaui batas, maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."²⁹

28 Abu `Abdillah Ahmad ibn Muhammad ibn Hanbal ibn Hilal ibn Asad al-Syaibani. (2001). *Musnad al-Iman Ahmad ibn Hanbal*. Musnad Wanita, Musnad al-Siddiqah `Aisyah RAH. Hadith ini disahihkan oleh al-Albani dalam *Idwa' al-Ghalil*. Jilid 42. Beirut: Mu'assasah al-Risalah. Hlm. 431.

29 Surah al-Baqarah (2): 173.



Proses pemindahan organ juga dilakukan dengan penuh cermat, teliti dan penuh penghormatan terhadap tubuh penderma yang sudah meninggal dunia sama seperti penderma yang masih hidup. Malah, proses pemindahan organ juga dijalankan dengan secepat mungkin bagi membolehkan urusan pengebumian jenazah tidak tergendala.

7.2 Adakah penderma organ melanggar hak dan amanah yang diberikan kepadanya supaya memelihara maruah dan kehormatan jasadnya apabila dia menderma organ?

Manusia adalah sebaik-baik dan semulia-mulia ciptaan Allah SWT. Ini seperti yang dinyatakan oleh Allah SWT menerusi ayat al-Quran yang berikut:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ
عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Terjemahan:

“Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak Adam, dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut, dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk lain yang Kami ciptakan.”³⁰

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT memuliakan manusia dengan ciptaan yang sebaik-baiknya termasuklah tubuh badan manusia. Sebagai umat Islam, kita percaya bahawa tubuh badan ini ialah anugerah dan amanah Allah SWT. Ini bermakna tubuh badan perlu dijaga dan diberikan haknya baik semasa hidup mahupun selepas meninggal dunia. Hak semasa hidup adalah seperti menjaga kesihatan fizikal, memelihara tubuh badan daripada kecederaan yang disengajakan dan sebagainya. Hak selepas meninggal dunia ialah dimandikan, dikafankan, disolatkan dan dikebumikan.

Perbuatan menderma organ baik semasa hidup mahupun selepas meninggal dunia sama sekali tidak bermaksud seseorang itu melanggar hak dan amanah tubuh badannya kerana penderma bukan dengan sengaja mencacatkan atau merosakkan anggotanya. Sebaliknya perbuatan menderma organ dilakukan dengan niat yang baik bagi menyelamatkan nyawa orang lain. Dalam kata lain, perbuatan menderma organ memberi peluang kepada orang lain untuk meneruskan kehidupannya di samping menunaikan hak dan amanahnya terhadap tubuh badannya. Berkaitan perkara ini, Dr. Yusuf al-Qaradawi menyatakan bahawa perbuatan mengambil anggota daripada jenazah tidak menafikan kehormatan jenazah itu.

30 Surah al-Isra' (17): 70.



Jika kita percaya bahawa tubuh badan ini milik Allah SWT, maka kita tidak seharusnya kedekut untuk mendermakan organ kita kepada orang lain. Tambahan pula, nyawa yang hendak diselamatkan itu juga milik Allah SWT.

7.3 Adakah penderma organ menanggung dosa orang yang menerima organnya?

Tidak, kerana setiap orang mukalaf (baligh, berakal dan mumaiyiz) bertanggungjawab ke atas tindak-tanduknya sendiri. Allah SWT berfirman dalam al-Quran:

قُلْ أَغَيْرَ اللَّهِ أَبْغَىٰ رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُم مَّرْجِعُكُمْ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ

Terjemahan:

“Katakanlah: Patutkah aku mencari Tuhan selain Allah, padahal Dialah Tuhan bagi tiap-tiap sesuatu? Dan tiadalah (dosa) yang diusahakan oleh tiap-tiap seorang melainkan orang itulah sahaja yang menanggung dosanya, dan seseorang yang boleh memikul tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain (bahkan dosa usahanya sahaja), kemudian kepada Tuhan kamulah tempat kamu kembali, lalu Ia menerangkan kepada kamu akan apa yang kamu berselisihan padanya.”³¹

Sebaliknya, Dr. Yusuf al-Qaradawi berpandangan bahawa orang yang menderma organ akan diberikan ganjaran pahala kerana perbuatan menderma organ terangkum di bawah sedekah jariah yang merupakan salah satu daripada tiga perkara yang akan memberi ganjaran berterusan selepas kematian. Dalam sebuah Hadith Sahih, Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: " إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ "

Terjemahan:

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Apabila seseorang insan meninggal dunia, terputus daripadanya segala amalan kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan, dan anak yang soleh yang mendoakannya.”³²

31 Surah al-An'am (6): 164.

32 Muslim ibn al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Naisaburi. (t.th). *Sahih Muslim*. Fasal Hibah, Bab Pahala atau Ganjaran yang Mengiringi Seseorang Selepas Kematian. Jilid 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy. Hlm. 1255.



7.4 Adakah orang yang mendermakan organnya akan dibangkitkan pada Hari Akhirat tanpa organ-organ yang telah didermakan?

Setiap orang Islam yang beriman percaya bahawa Kiamat pasti berlaku. Apabila Kiamat berlaku, segala yang ada di muka bumi akan hancur musnah. Tidak ada apa yang akan tinggal selamat termasuklah tubuh badan manusia. Hanya Allah SWT sahaja yang kekal abadi. Apabila manusia dibangkitkan pada Hari Akhirat di Padang Mahsyar, manusia akan dibangkitkan mengikut amalannya di dunia ini. Jika dia mempunyai banyak amalan baik, maka dia akan dibangkitkan dalam bentuk yang lebih baik dan mulia. Jika amalan buruknya banyak, maka dia akan dibangkitkan dalam bentuk yang lebih buruk dan hina. Maka seharusnya sebagai orang Islam yang beriman, tidak timbul isu sama ada kita akan dibangkitkan dengan organ yang didermakan atau tidak, kerana kita percaya bahawa segala-galanya akan musnah ditiup sangkakala sebelum kita dibangkitkan semula oleh Allah SWT untuk dihimpunkan dan dihisab di Padang Mahsyar. Hakikat kekuasaan Allah SWT membangkitkan semula manusia selepas semuanya hancur disebut dalam firman Allah SWT berikut:

قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ عَلِيمٌ

Terjemahan:

“Katakanlah: Tulang-tulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya pada awal mula wujudnya, dan Ia Maha Mengetahui akan segala keadaan makhluk-makhluk (yang diciptakan-Nya).”³³

7.5 Bolehkah orang Islam menerima organ orang bukan Islam?

Tiada larangan dalam syarak bagi memindahkan organ orang bukan Islam kepada orang Islam. Ini kerana organ manusia tidak bersifat Islam atau kufur, sebaliknya organ ialah alat yang digunakan oleh manusia bagi melaksanakan tuntutan akidah dan manhajnya untuk hidup. Apabila organ dipindahkan daripada orang bukan Islam kepada orang Islam, maka organ tersebut menjadi sebahagian tubuh badan orang Islam yang digunakan bagi tujuan menunaikan tanggungjawabnya seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Malah, Dr. Yusuf al-Qaradawi menghukumkan bahawa anggota tubuh badan orang bukan Islam adalah Islam. Ini kerana menurut beliau, perkara yang dimaksudkan Islam dan kufur seseorang itu bukanlah anggota zahir (organ yang dipindahkan) tetapi roh manusia itu.³⁴ Maka tiada halangan syarak untuk orang Islam mengambil manfaat daripada organ orang bukan Islam yang didermakan.

33 Surah Yasin (36): 79.

34 Yusuf al-Qaradawi. (1995). Op. cit. Hlm. 379-381.



7.6 Bolehkah orang Islam menderma organ kepada orang bukan Islam?

Dalam konteks Malaysia, penderma tidak boleh menetapkan siapa yang boleh atau tidak boleh menerima organ yang didermakannya. Sebaliknya organ akan dipindahkan kepada orang yang paling sesuai menerima organ tersebut yang mempunyai tahap kejayaan pemindahan yang paling baik. Dalam konteks Malaysia juga, orang bukan Islam dikategorikan sebagai *kafir dzimmi* iaitu mereka yang memberikan taat setia kepada negara dan wajib dilindungi, dibantu dan diselamatkan apabila berada dalam kesusahan atau kesakitan. Ini termasuklah menyelamatkan nyawa menerusi pemindahan organ. Jadi dalam konteks negara Malaysia, tidak timbul isu boleh atau tidak boleh menderma kepada orang bukan Islam kerana mereka wajib dibantu apabila berada dalam kesusahan.

Hal ini diperjelas menerusi ayat al-Quran berikut:

لَا يَنْهَىٰ كُمْ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

Terjemahan:

“Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu daripada kampung halaman kamu, sesungguhnya Allah mengasihani orang yang berlaku adil.”³⁵

Rasulullah SAW juga mengingatkan kita bahawa umat Islam seharusnya menjadi orang yang banyak memberi dan membantu orang lain. Ini dinyatakan dalam Hadith berikut yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Abdullah bin ‘Umar RA:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ، وَذَكَرَ الصَّدَقَةَ، وَالتَّعَفُّفَ، وَالْمَسْأَلَةَ: "الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى، فَالْيَدُ الْعُلْيَا: هِيَ الْمُتَنَفِّعَةُ، وَالسُّفْلَى: هِيَ السَّائِلَةُ"

Terjemahan:

Daripada ‘Abdullah ibn ‘Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda semasa Baginda berada di atas mimbar dan Baginda menyebut tentang sedekah, menahan diri daripada meminta (bantuan kewangan daripada orang lain), dan memintaminta daripada orang lain, “Tangan yang berada di atas adalah lebih baik daripada tangan yang berada di bawah. Tangan yang di atas ialah orang yang memberi, dan tangan yang di bawah ialah orang yang meminta.”³⁶

35 Surah al-Mumtahanah (60): 8.

36 Muhammad ibn Ismail Abu Abdullah al-Bukhari. (1422 H). *Sahih al-Bukhari*. Fasal Zakat, Bab Zakat Tidak Diterima Melainkan Daripada Orang Yang Berharta. Jilid 2. Dar al-Tawq al-Najaat. Hlm. 112.



Kesimpulan

8. Kesimpulan

Ibn Qayyim al-Jawziyyah meletakkan pengorbanan jiwa raga pada peringkat yang tertinggi sekali daripada sepuluh jenis pengorbanan yang beliau sebutkan dalam *Madarij al-Salikin*. Penderma organ boleh dikategorikan di bawah pengorbanan jiwa raga seperti yang dinyatakan oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah ini. Ini kerana penderma sanggup menderma organnya kepada pesakit yang memerlukannya dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Menyelamatkan nyawa manusia ialah salah satu daripada tumpuan penjagaan syarak dalam Islam.



Pendermaan organ juga melahirkan individu dan masyarakat yang mempunyai rasa tanggungjawab untuk membantu satu sama lain tanpa mengira latar belakang agama, bangsa, pangkat dan harta. Islam sememangnya amat menggalakkan sifat taawun atau bantu-membantu seperti dalam ayat al-Quran berikut:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ
العِقَابِ

Terjemahan:

“...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”³⁷

والله أعلم بالصواب.

37 Surah al-Maidah (5): 2.



Rujukan



9. Rujukan

Al-Quran.

Muhammad ibn Ismail Abu Abdullah al-Bukhari. (1422 H). *Sahih al-Bukhari*, Jilid 2. Dar al-Tawq al-Najaat.

Muslim ibn al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Naisaburi. (t.th). *Sahih Muslim*, Jilid 3. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiy.

Al-Tirmidzi, Muhammad ibn 'Isa ibn Sawrah ibn Musa ibn Dahhak. (1975). *Sunan al-Tirmidzi*, Jilid 4. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.

Abu 'Abdillah Ahmad ibn Muhammad ibn Hanbal ibn Hilal ibn Asad al-Syaibani. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*, Jilid 42. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Abu Fadl Mohsen Ebrahim. (1998). *Organ Transplantation: Contemporary Islamic Legal and Ethical Perspectives*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Ahmed Abdel Aziz Yacoub. (2001). *The Fiqh of Medicine: Responses in Islamic Jurisprudence to Developments in Medical Science*. London: Ta-Ha Publishers Ltd.

FIMA Year Book 2002. (2002). Islamabad: Federation of Islamic Medical Associations.

Hassan Salleh. (1979). *Qawaid al-Fiqhiyyah*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Howitt, R. (2009). *Islam and Organ Donation: A Guide to Organ Donation and Muslim Beliefs*. London: NHS Blood and Transplant.

Ismail Ibrahim dan Abu Bakar Yang. (penyunting). (2010). *Islam dan Pemindehan Organ*, Edisi Ke-2. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Jabatan Mufti Johor. (2010). *Fatwa Transplan Organ dan Mati Otak*. Johor Bahru: Jabatan Mufti Johor.

Majlis Ugama Islam Singapura. (2007). *Pemindehan Organ di dalam Islam: Fiqih dan Pelaksanaannya di Singapura*. Singapura: Majlis Ugama Islam Singapura.

Qazi Muhahidul Islam Qasmi. (2007). *Contemporary Medical Issues in Islamic Jurisprudence*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.

Saudi Center for Organ Transplantation. (t.th.). *Directory of the Regulations of Organ Transplantation in the Kingdom of Saudi Arabia*. Jeddah: Saudi Center for Organ Transplantation.

Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh, Abu Bakar Yang dan Norkumala Awang. (2005). *Persepsi dan sikap orang Islam terhadap pendermaan organ: Satu tinjauan lapangan*. Laporan penyelidikan. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Yusuf al-Qaradawi. (1995). *Fatwa Masa Kini*, Jilid 7 & 8. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.



Lampiran

Kumpulan penulis dan penyelidik Yayasan Ilmuwan

Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh

Muhammad Zaki Ramli

Siti Noorzuraidawati Mihat

Nor Adyani Marsom

Mohd Rezuan Masran

Panel semakan


Puan Taqwa Zabidi
Penolong Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Encik Khairul Azhar Idris
Felo,
Pusat Kajian Ekonomi dan Kemasyarakatan,
Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Dr. Hirman Ismail
Ketua Penolong Pengarah,
Unit Perkhidmatan Transplan,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Encik Munshi Abdullah
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Pendidikan Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Encik Mohd Razif Zakaria
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Pendidikan Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.



Profesor Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob
Jabatan Syariah dan Undang-undang,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya.

Profesor Madya Datin Dr. Paizah Ismail
Jabatan Undang-undang Islam
Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Datin Dr. Fadhilah Zowiyah Lela Yasmin Mansor
Ketua Pengurus Klinikal,
Pusat Sumber Transplan Nasional,
Hospital Kuala Lumpur.

Dr. Muhammed Anis Abd. Wahab
Pengurus Klinikal,
Pusat Sumber Transplan Nasional,
Hospital Kuala Lumpur.

Datuk Dr. Ghazali Ahmad
Pakar Perunding Kanan Nefrologi,
Ketua Jabatan Nefrologi,
Hospital Kuala Lumpur.

Dato' Dr. Zaki Morad Mohamad Zaher
Pakar Perunding Kanan Nefrologi,
Hospital Pakar Ampang Puteri.